

23 FEB 2003

NAM-Aman (Memorandum)/I

RAKYAT MALAYSIA BERSAMA-SAMA MENGGESA BAGI KEAMANAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Dalam melahirkan rasa simpati terhadap nasib rakyat Palestin, rakyat Malaysia malam ini menggesa dunia mencari penyelesaian adil dan aman kepada apa yang mereka sifatkan sebagai tragedi politik terbesar pernah berlaku -- pendudukan haram di atas tanah milik penduduk Palestin dan penindasan rakyatnya oleh regim Israel.

Dalam memorandum tegas kepada penduduk dunia yang dibacakan pada perhimpunan keamanan besar-besaran yang dihadiri Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, mereka juga mendesak dunia meningkatkan kempenya untuk mencari penyelesaian aman kepada krisis semasa di Iraq.

Mereka menggesa bagi penubuhan segera sebuah negara Palestin yang merdeka, berdaulat dan berdaya maju dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negaranya selaras dengan pelbagai resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang diluluskan sebelum ini.

Memorandum itu kemudiannya diserahkan kepada Dr Mahathir untuk diserahkan kepada pemimpin-pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini esok.

Memorandum dua muka surat itu yang mengandungi tujuh perkara dikeluarkan bagi pihak Rakyat Malaysia, menyatakan : "Pelarian Palestin patut dibenarkan kembali ke tanah air mereka dan siasatan bebas patut diadakan mengenai jenayah perang yang dilakukan regim Tel Aviv terhadap rakyat Palestin."

Melahirkan kebimbangan dengan perang yang bakal dilancarkan ke atas Iraq, mereka menyatakan apa pun dakwaan terhadap apa juga senjata biologi dan kimia yang masih terdapat di Iraq patut dimusnahkan melalui pemeriksaan senjata dan saluran diplomasi politik.

"Sekatan tidak berperikemanusiaan yang dikenakan ke atas Iraq, secara langsung atau tidak langsung, telah membunuh berjuta orang, ramai daripada mereka kanak-kanak, patut ditarik balik.

"Sebarang perubahan regim patut diserahkan kepada rakyat Iraq sendiri dan tidak boleh dipaksa ke atas rakyat Iraq melalui bom dan peluru berpandu," kata mereka.

Mereka mendesak agar semua senjata nuklear dan senjata yang boleh mengakibatkan kemusnahan besar-besaran di merata tempat dimusnahkan tanpa diskriminasi dan pelucutan senjata global dijadikan sebagai satu sasaran segera manusia pada dekad pertama abad ke-21.

"Sebagai negara yang memiliki senjata nuklear terbanyak di dunia, Amerika Syarikat patut mengetuai dalam pelucutan senjata global," kata mereka.

Rakyat Malaysia menggesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu agar menerajui perang menentang keganasan global dan membantah mana-mana negara daripada memanipulasi isu keganasan untuk menjayakan agenda mereka sendiri.

Memorandum itu menyatakan dunia patut menyokong perjuangan murni dalam membantah dominasi ketenteraan, politik dan ekonomi global oleh pihak tertentu.

"Impian bagi hegemoni dan menguasai minyak merupakan motif sebenar disebalik perang ke atas Iraq. Serangan tentera terlebih dahulu dan unilateralisme dalam politik antarabangsa menguatkan kezaman untuk mewujudkan dominasi global sepenuhnya," kata mereka.

Mereka menggesa enam bilion penduduk dunia dan kerajaan masing-masing untuk saling bekerjasama bagi mewujudkan suasana aman di peringkat nasional

dan global.

Kemiskinan perlu dibasmi, jurang ketara di antara yang kaya dan miskin dirapatkan, hak asasi manusia dihormati dan identiti agama dan budaya diiktiraf, rakyat Malaysia mengingatkan dunia.

Mereka juga menggesa dunia agar memupuk, melalui pendidikan formal dan tidak formal, sikap dan nilai yang dapat mewujudkan orientasi positif ke arah keamanan dan membenci perang.

-- BERNAMA

SR AZH MAM RHM